

# **GARIS PANDUAN KEPADA SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (SLPM) BAGI MEMBENDUNG COVID-19**

## **1.0 PENGENALAN**

Garis Panduan ini disediakan sebagai panduan kepada SLPM dalam menjalankan Latihan Pengendali Makanan (LPM) bagi memastikan pelaksanaan langkah kawalan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1** Memastikan SLPM menjalankan sesi Latihan Pengendali makanan mengikut Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan.
- 2.2** Memastikan langkah-langkah kawalan tambahan dilaksanakan bagi membendung penularan COVID-19 semasa pelaksanaan Latihan Pengendali Makanan.

## **3.0 LANGKAH-LANGKAH KAWALAN**

### **3.1 Keperluan Am Bagi SLPM**

SLPM bertanggungjawab memastikan perkara berikut dilaksanakan sama ada di bilik latihan tetap atau bergerak (*mobile*):

- a) Meletakkan dan mempamerkan notis dan peraturan berkenaan Covid-19 di pintu masuk premis dan bilik latihan.
- b) Perlu menyusun meja *secara classroom style* dengan jarak meja dan kerusi antara peserta sekurang-kurangnya 1 meter.
- c) Bilangan peserta bagi setiap sesi bergantung pada keluasan bilik latihan dengan jarak susunan meja antara satu sama lain 1 meter dan tidak melebihi 30 orang peserta setiap sesi.
- d) Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa proses pendaftaran peserta.
- e) Menyediakan kemudahan hand *sanitizer* untuk peserta sebelum memasuki premis dan di dalam bilik latihan.

- f) Menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner*.
- g) Melaksanakan saringan suhu dan direkodkan setiap kali sesi latihan.
- h) Tidak membenarkan peserta atau tenaga pengajar memasuki pusat latihan sekiranya mempunyai simptom berikut :
  - i) Demam (melebihi suhu 37.5°);
  - ii) Batuk;
  - iii) Kesukaran bernafas.
- i) Menggalakkan pemakaian pelitup muka kepada peserta sepanjang kursus.
- j) Melakukan pencucian dan nyahkuman di kawasan kelas sebelum dan selepas pelaksanaan sesi LPM termasuk meja dan kerusi.
- k) Perlu melakukan pencucian dan nyahkuman di kawasan ruang pejabat dan pendaftaran dan tandas.

### **3.2 Peranan Tenaga Pengajar**

Tenaga Pengajar bertanggungjawab memastikan pelaksanaan latihan berjalan mengikut SOP yang ditetapkan. Tenaga pengajar perlu memastikan perkara berikut :

- a) Sentiasa mengamalkan penjarakan sosial 1 meter dengan peserta semasa latihan dijalankan.
- b) Memastikan peserta mengamalkan penjarakan sosial 1 meter semasa sesi latihan dijalankan.
- c) Sentiasa memberi peringatan kepada peserta untuk kerap mencuci tangan dan menggunakan *hand sanitizer*.
- d) Menasihati peserta untuk tidak berkongsi barangan peribadi seperti alat tulis dan peralatan solat dengan peserta lain.

### **4.0 TINDAKAN PERLANGGARAN**

Tindakan boleh diambil terhadap perlanggaran yang dilakukan oleh SLPM dan tenaga pengajar sekiranya didapati tidak mematuhi garis panduan ini. Pegawai dari Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) boleh menghentikan kursus LPM pada bila-bila masa sekiranya perlu apabila mendapati SLPM atau

tenaga pengajar melakukan pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan. Kegagalan SLPM untuk mematuhi garis panduan ini boleh dikenakan tindakan terhadap pelanggaran terma dan syarat akreditasi SLPM di bawah kluasa 2.0 Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan yang membawa kepada penggantungan, penarikbalikan dan penyenaian hitam pengiktirafan atau apa-apa tindakan berkaitan.

**RUJUKAN :**

- a) Garis Panduan Skim Akrediasiti Program Latihan Pengendali Makanan
- b) SOP Pembukaan Semula Sektor Ekonomi
- c) WHO: COVID-19 *and food safety : Guidance For Business Interim Guidance 7 April 2020*